



**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN SURAT SOKONGAN EKSPATRIAT  
BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

**A) SYARAT-SYARAT UMUM PEMOHON**

1. Permohonan mestilah dibuat melalui syarikat atau wakil sah yang dilantik.
2. Syarikat yang memohon hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Syarikat hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang sah dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
4. Syarikat mestilah mematuhi modal berbayar minimum seperti berikut :

BIL.	EKUITI	MODAL BERBAYAR
1.	Milik 100% Tempatan	RM 250,000.00
2.	Milik Bersama Asing & Tempatan	RM 350,000.00
3.	Milik 100% Asing	RM 500,000.00

5. Kategori ekspatriat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bermula **1 September 2017**:

KATEGORI	GAJI POKOK MINIMUM / SEBULAN	TEMPOH PENGGAJIAN
<b>Kategori I</b>	RM 10,000.00	Sehingga 5 tahun
<b>Kategori II</b>	RM 5,000.00 – RM 9,999.00	Sehingga 2 tahun

**\*Walau bagaimanapun, tempoh sokongan yang diberikan maksimum hanya 2 tahun**

6. Keperluan Ijazah / Diploma / Sijil atau kelayakan profesional dan setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan dengan jawatan yang ditawarkan.
7. Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan berdasarkan kelayakan akademik:
  - (a) Ijazah : 3 tahun
  - (b) Diploma : 5 tahun
  - (c) Sijil : 7 tahun
  - (d) Tiada kelayakan: 10 tahun
8. Ekspatriat hendaklah berumur sekurang-kurangnya **25 tahun ke atas**.

## **B) SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN EKSPATRIAT**

### **SEKTOR PERHOTELAN**

1. Premis hotel perlu berdaftar sebagai premis penginapan pelancongan dan telah mendapat penarafan bintang daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Sijil penarafan masih sah untuk tempoh sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** semasa permohonan dikemukakan.
2. Jawatan yang dibenarkan adalah di peringkat Pengurusan Tertinggi dan Jawatan Eksekutif sahaja.

#### Maklumat Tambahan :

##### ➤ **Pengurusan Tertinggi**

- Jawatan Pengurusan Tertinggi seperti *Chief Executive Officer, General Manager, Managing Director* dan lain-lain *Director*.

##### ➤ **Jawatan Eksekutif**

- Jawatan bidang profesional yang memerlukan kelayakan, pengalaman dan kemahiran praktikal dalam bidang berkaitan seperti *Chef (Executive Chef, Executive Pastry Chef, Sous Chef), Engineer (Landscape)* dan lain-lain.
- Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran bahasa-bahasa tertentu selain Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil seperti Bahasa Arab, Jepun, Korea, Perancis dan lain-lain.
- Ekspatriat tidak dibenarkan berkhidmat di barisan hadapan (*frontliners*) seperti *Guest Service, Front Office, Front Desk* dan lain-lain.
- Ekspatriat juga tidak dibenarkan untuk memegang jawatan *Administration, Finance* dan *Human Resource*.

3. Hotel perlu mendapatkan penarafan bintang sekurang-kurangnya **3 bintang**.

### **SEKTOR PERKHIDMATAN SPA**

1. Premis spa perlu mendapat penarafan bintang **sekurang-kurangnya 3 bintang** daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Sijil penarafan bintang masih sah **sekurang-kurangnya untuk tempoh 3 bulan** semasa permohonan dikemukakan.
2. Jawatan yang dibenarkan adalah **Juru Terapi Spa** sahaja.

**SEKTOR PENGENDALIAN PELANCONGAN (TRAVEL AGENCY)**

1. Syarikat perlu berlesen dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta mempunyai lesen yang masih sah **sekurang-kurangnya untuk tempoh 3 bulan** semasa permohonan dikemukakan.
2. Jawatan yang dibenarkan adalah di peringkat Pengurusan Tertinggi dan Jawatan Eksekutif sahaja.

Maklumat Tambahan :

- **Pengurusan Tertinggi**
    - Jawatan Pengurusan Tertinggi seperti *Managing Director, Director, Executive Director* dan lain-lain.
  - **Jawatan Eksekutif**
    - Jawatan bidang profesional yang memerlukan kelayakan, pengalaman dan kemahiran praktikal dalam bidang berkaitan seperti *Inbound Manager, Sales & Marketing Manager (Country / Region Specific)* dan lain-lain..
    - Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran bahasa-bahasa tertentu selain Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil seperti Bahasa Persian, Jepun, Korea, Bangladesh dan lain-lain.
3. Syarikat tiada sebarang perubahan ke atas status semasa syarikat (nama syarikat, syer modal, pemegang syer/pengarah) tanpa kebenaran Kementerian dan tiada tunggakan kompaun.
  4. Baki ekuiti syarikat tidak terjejas dan perlu mengikut syarat seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BAKI EKUITI</b>
a.	100% Syarikat Tempatan	RM200,000.00
b.	70% Syarikat Tempatan 30% Syarikat Asing–Bukan ASEAN	RM500,000.00
c.	70% Syarikat Asing–ASEAN 30% Syarikat Tempatan	RM1,000,000.00
d.	100% Syarikat Asing	RM1,500,000.00